



"BAHAYA FITNAH".1

| | |
|---|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَالَّذِينَ يُؤْذِرُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا آكَتْسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَنَّا وَإِثْمًا مُّبِينًا</p> | 2 |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p> | 3 |
| <p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p> | 4 |
| <p>Muslimin yang dirahmati Allah, Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.</p> | 5 |
| <p>Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah "BAHAYA FITNAH".</p> | 6 |
| <p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> | |
| <p>Fitnah adalah tuduhan atau tohmahan yang diada-adakan sama ada ia berbentuk gambar, tulisan, video dan sebagainya yang boleh memburukkan atau memalukan seseorang individu, sesebuah institusi atau kumpulan dan seumpamanya, sedangkan ia tidak benar. Pada hari ini, penyebaran fitnah mudah berlaku sama ada melalui ucapan, laman web atau blog, whatsapp, facebook, instagram (IG) dan sebagainya.</p> | 7 |
| <p>Penyebaran berita fitnah tersebut berlaku dengan cepat, meluas dan mudah diperolehi tanpa sebarang kewaspadaan untuk menyelidik maklumat yang diterima seterusnya tanpa teragak-agak disampaikan kepada yang lain. Sikap ini amat ditegah oleh Islam. Ini kerana Islam menganjurkan umatnya agar setiap berita yang diterima mestilah diselidiki terlebih dahulu sebelum disebarluaskan kepada orang lain.</p> | 8 |



| | |
|---|----|
| Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6: | 9 |
| <p style="text-align: center;">يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَنَّمَةِ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ</p> | |
| <p><i>"Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seseorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan".</i></p> | 10 |
| <p>Berdasarkan ayat tersebut, wajib bagi setiap Muslim untuk menyelidiki segala berita yang diterima supaya tidak terbabit dalam kancang berita berunsur fitnah.</p> | 11 |
| <p>Ingatlah akan ancaman dan peringatan yang disampaikan oleh Nabi SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الْعَبْدَ يَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا يَرْلُ هَا إِلَى النَّارِ أَبْعَدَ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ</p> | 12 |
| <p><i>"Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat".</i></p> | 13 |
| <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> | |
| <p>Fitnah boleh berlaku sama ada disedari atau tidak apabila seseorang menyebut atau menceritakan keburukan seseorang tanpa menyiasat terlebih dahulu. Penyebar fitnah biasanya berselindung di sebalik istilah tertentu seperti "dengar khabar", "dengar cerita" atau "mohon pencerahan". Namun, apabila sesuatu fitnah disampaikan daripada seseorang ke seorang, diulang-ulangkan, maklumat yang belum sahih itu seolah-olah sudah menjadi fakta dan berita benar.</p> | 14 |



| | |
|---|----|
| Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36: | |
| <p>وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا</p> | 15 |
| <p><i>"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.</i></p> | 16 |
| <p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Antara nas-nas syarak yang melarang dan mengeji perbuatan menyebar fitnah. Adalah:</p> <p>Pertama: Penabur fitnah adalah orang yang paling keji.</p> | 17 |
| <p>Abdul Rahman Bin Ghanmin R.Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>شِرَارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمُشَاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمُفْرِقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ، الْبَاغُونَ الْبُرَاءَ الْغَنَّتَ</p> | 18 |
| <p><i>"Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melaga-lagakan di antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah".</i></p> <p><i>(Riwayat Ahmad).</i></p> | 19 |
| <p>Kedua: Penabur fitnah bakal mendapat azab kubur.</p> | 20 |
| <p>Hadis daripada Ibn Abbas R.Anhu beliau berkata bahwa Rasulullah SAW pernah bersabda tentang dua orang yang sedang diazab di dalam kubur yang bermaksud:</p> <p><i>"Sesungguhnya mereka berdua diazab dan tidaklah mereka berdua diazab disebabkan dosa-dosa besar yang mereka lakukan tetapi disebabkan salah seorang mereka tidak berlindung ketika membuang air kecil dan seorang lagi memecah belahan masyarakat dengan berjalan menabur fitnah".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> | 21 |



| | |
|--|----|
| <p>Dan dalam hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Samurah bin Jundub R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">وَأَمَّا الرَّجُلُ الَّذِي أَتَيْتَ عَلَيْهِ، يُشَرِّشُ شِدْقَهُ إِلَى قَفَاهُ، وَمَنْخِرُهُ إِلَى قَفَاهُ، وَعَيْنُهُ إِلَى قَفَاهُ، فَإِنَّهُ الرَّجُلُ يَغْدُو مِنْ بَيْتِهِ، فَيَكْذِبُ الْكَذْبَةَ تَبْلُغُ الآفَاقَ</p> | 22 |
| <p><i>"Adapun orang yang diseksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi sehingga ke belakang lehernya dan disangkut lubang hidung sehingga menembusi belakang lehernya dan disangkut mata sehingga menembusi batang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan daripada rumahnya sehingga ke seluruh ufuk penjuru dunia".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> | 23 |
| <p>Ketiga: Penabur fitnah tidak akan masuk Syurga.</p> | 24 |
| <p>Sebagaimana diriwayatkan daripada Huzaifah R.Anhu bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاتَاتٌ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Penabur fitnah tidak akan masuk syurga".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> | 25 |
| <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah yang disampaikan pada hari yang mulia ini khatib ingin berpesan kepada hadirin Jumaat yang berbahagia agar:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perkataan dan perbuatan kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat kelak.2. Umat Islam dilarang menyebarkan fitnah kerana boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan.3. Umat Islam hendaklah berwaspada dengan sentiasa menyelidik setiap sebaran berita yang diterima untuk mengelakkan tersebarnya gejala fitnah yang sangat bahaya. | 26 |



| | |
|---|----|
| <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ إِنَّ الَّذِينَ تُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَحْشَةَ فِي الَّذِينَ إِمَانُوا هُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ</p> | 27 |
| <p>“Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang amat pedih di dunia dan di akhirat dan Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui”.</p> <p style="text-align: right;">(Surah Al-Nuur : 19).</p> | 28 |
| <p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تَلَاقَتْهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 29 |
| <p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p> | 30 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|--|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p> | 1 |
| <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> | 2 |
| <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p> | 3 |
| <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّلُهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p> | 4 |
| <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَرْوَاحِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p> | 5 |
| <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَيْكَ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الْدِينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p> | 6 |
| <p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْتَ حَفَظَ بِعْيَنِ عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مِلْكُنَا الْمُعَظَّمُ سُلْطَانُ سَلَاغُورِ،</p> | 7 |
| <p>سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعُونَ وَالْهَدَىيَّةَ وَالثَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرُ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p> | 8 |



| | |
|---|----|
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا | 9 |
| مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 10 |
| Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. | 11 |
| Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor. | 13 |
| رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ | 14 |
| عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ | 15 |
| فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. | 15 |